

03 JUL 2002

DR MAHATHIR DIBERI SAMBUTAN MERIAH SEKEMBALINYA DARI BERECUTI

SUBANG, 3 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad diberi sambutan meriah di Pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia di sini pagi ini sekembalinya dari percutian di sekitar kepulauan Mediterranean.

Perdana Menteri yang diiringi isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali disambut oleh pelbagai lapisan masyarakat diketuai Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, menteri-menteri serta para pemimpin masyarakat.

Kepulangan Dr Mahathir dari percutian itu dinanti-nanti setelah beliau membuat pengumuman mengejut pada akhir Perhimpunan Agung Umno pada 22 Jun untuk mengundur diri daripada memimpin parti dan kerajaan.

Selasa lepas, Abdullah mengumumkan mengenai pelan peralihan kuasa hasil pertemuan Jawatankuasa Pengurusan Umno dengan Dr Mahathir yang bersetuju untuk terus menerajui Umno dan kerajaan sehingga Oktober tahun depan.

-- BERNAMA

AZZ AZZ RHM